

Kehebatan Rasulullah SAW membina tamadun Islam seharusnya dijadikan suri teladan kepada semua pemimpin Islam masa ini kerana tiada tokoh kepemimpinan lain yang mampu menandingi kehebatan kepemimpinan Baginda. Para sarjana Barat juga turut mengiktiraf kehebatan kepemimpinan Rasulullah SAW memimpin negara dan rakyatnya. Michael Hart dalam bukunya, *The 100, a Ranking of The Most Influential Persons in History* telah menobatkan Rasulullah SAW sebagai tokoh pertama daripada 100 tokoh manusia paling berpengaruh di dunia.

George Bernard Shaw menyatakan bahawa Rasulullah SAW memiliki keperibadian yang sangat agung dan menjadi penyelamat tamadun kemanusiaan. Tambahnya lagi, beliau yakin sekiranya Rasulullah SAW masih hidup dan menjadi pemimpin di dunia moden ini, maka Baginda mampu mengatasi segala permasalahan serta membawa kedamaian yang diperlukan oleh dunia masa ini. Jelaslah bahawa kehebatan kepemimpinan Rasulullah SAW tidak hanya diakui dan diiktiraf oleh ketamadunan Islam, bahkan ketamadunan Barat turut mengakui dan mengiktirafnya.

Al-Quran turut menegaskan bahawa Rasulullah SAW menjadi teladan dalam seluruh aspek kehidupan, termasuklah dalam hal kepemimpinan. Firman Allah SWT yang bermaksud, "Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu, (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut nama Allah." (*Surah al-Ahzab* 33:21). Dalam ayat yang lain, Allah SWT berfirman yang bermaksud, "Katakanlah (wahai Muhammad): 'Jika benar kamu mengasihi Allah, maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampuni dosa-dosa kamu, dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihi.'" (*Surah Ali 'Imran* 3:31).



Meneladani Kepemimpinan Rasulullah SAW

Mohamad Fadzil Awang



Ketika menjalankan tugas sebagai pemimpin, Rasulullah SAW sentiasa meletakkan keperibadian akhlak sebagai asas utama kepemimpinannya. Baginda seorang yang bijaksana memimpin negaranya kerana sentiasa mengadakan perbincangan melalui sistem syura sebelum memutuskan sesuatu perkara. Dengan kata lain, Baginda Rasulullah SAW sentiasa mementingkan hak orang lain yang berhak menyatakan pandangan dan pendapat masing-masing bagi menentukan pentadbiran negara. Oleh sebab itu, Rasulullah SAW sentiasa disenangi oleh para pemimpin negara, termasuk pemimpin bukan Islam.

Selain itu, Rasulullah SAW juga merupakan seorang pemimpin yang adil dan bijaksana dalam kepemimpinannya. Baginda sentiasa bertoleransi dengan masyarakat bukan Islam, bahkan tidak menggunakan paksaan dalam pemerintahannya. Tambahan pula, Baginda turut melindungi masyarakat bukan Islam dalam pemerintahannya. Walaupun mereka ialah golongan minoriti dalam negara Islam, penjagaan hak mereka sebagai rakyat tetap ditunaikan oleh Baginda Rasulullah SAW tanpa mengira kaum dan anutan agama selagi taat dan patuh pada pemerintahannya.

Oleh hal yang demikian, sebagai individu yang menyanjung kepemimpinan Rasulullah SAW, kita seharusnya sentiasa meneladani akhlak Baginda dalam kehidupan harian kita. Kita hendaklah sentiasa mentaati perintah Allah SWT dan menjauhi larangan-Nya dan meningkatkan amalan kebaikan dalam kehidupan sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah SAW. Oleh sebab itu, cara hidup Baginda merupakan model terbaik kehidupan yang diredai Allah SWT untuk kita contohi demi meraikan kebaikan hidup di dunia ini.

Sebagai seorang pemimpin, kita hendaklah sentiasa mengutamakan kebajikan dan kesejahteraan orang yang dipimpin. Tidak kira sama ada kita menjadi pemimpin bagi kelompok yang kecil mahupun menjadi pemimpin dalam keluarga sendiri, kita perlu mengutamakan hak kebajikan dan kesejahteraan mereka yang dipimpin. Rasulullah SAW sentiasa mengutamakan kebajikan dan kesejahteraan rakyatnya tanpa mengira kaum dan agama. Oleh sebab itu, Rasulullah SAW sentiasa disenangi oleh pengikutnya, bahkan orang yang bukan beragama Islam turut menyenangi kepemimpinannya.

Selain itu, pemimpin juga perlu bijaksana mengatur strategi dalam hal mengurus pentadbirannya dengan tidak mementingkan diri sendiri. Hal ini dikatakan

demikian kerana kebanyakan pemimpin masa ini dapat dilihat lebih mengutamakan kepentingan diri berbanding dengan memenuhi tuntutan hak orang yang dipimpinnya. Pemimpin perlu sedar bahawa orang yang dipimpin telah memberikan mandat kepercayaan kepada pemimpin tersebut untuk memimpin mereka. Sekiranya pemimpin mengabaikan tuntutan hak orang yang dipimpin dan mementingkan kepentingan diri, tanpa disedari pemimpin tersebut tidak akan disukai, bahkan ditolak oleh orang yang dipimpinnya.

Dalam pada itu, sebagai pemimpin juga kita perlu sentiasa tegas dan adil apabila menangani sesuatu masalah. Ketegasan dan keadilan merupakan antara ciri yang perlu ada dalam diri seorang pemimpin. Ketegasan bukan bermaksud pemimpin perlu sentiasa tegas dalam semua perkara sehinggakan orang yang dipimpin tertekan. Akan tetapi, ketegasan bermaksud sentiasa mengutamakan keadilan demi kebaikan pemimpin dan orang yang dipimpin bersama. Oleh sebab itu, Rasulullah SAW sentiasa tegas dan adil ketika menangani sesuatu masalah tanpa mengira kaum dan agama.

Oleh itu, akhlak merupakan nadi utama dalam pembangunan manusia. Akhlak yang mulia akan mencorakkan tingkah laku manusia yang baik, mencerminkan keimanan yang kukuh kepada Allah SWT, dan menjadi penentu kejayaan hakiki sesebuah tamadun. Pertimbangan dalam soal pembangunan material semata-mata tidak mencukupi kerana sejarah telah membuktikan banyaknya tamadun runtuh kerana kerosakan dari sudut akhlak pemimpin dan rakyatnya. Jelaslah bahawa akhlak merupakan aspek utama yang menjadi asas keutuhan sesebuah tamadun sama ada mampu bertahan lama atau sebaliknya.

Kesimpulannya, jika kita sebagai pemimpin dalam sesebuah organisasi atau pemimpin kelompok kecil mahupun pemimpin dalam keluarga sendiri, seharusnya kita menjadikan akhlak Rasulullah SAW sebagai suri teladan dalam kehidupan harian kita. Andainya kita sebagai orang bawahan yang dipimpin pula, kita seharusnya sentiasa menghormati pemimpin dan bersikap rasional terhadap apa-apa jua keputusan pemimpin demi kebaikan bersama. Jadilah seorang pengkritik yang rasional, dan bukannya menjadi seorang pengkritik yang tidak beradab dan tidak beragama. 